

NOTIS PRIVASI VENDOR

1. Pendahuluan

- 1.1. Kami, PLUS Malaysia Berhad (No. Pendaftaran 201001039714 (923639-A)), anak syarikat dan syarikat bersekutu kami (secara kolektif selanjutnya disebut sebagai, "PLUS" atau "kami") menghormati hak privasi subjek data (selepas ini disebut sebagai, "anda") dan kami menghormati semua maklumat peribadi yang diberikan kepada kami.
- 1.2. Kami komited untuk melindungi semua maklumat peribadi yang disimpan oleh kami. PLUS terikat dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("APDP") dan semua undang-undang lain di Malaysia yang tergunapakai berkenaan dengan perlindungan privasi yang menetapkan prinsip-prinsip berkenaan dengan maklumat peribadi dan perlindungan pengguna di Malaysia.
- 1.3. Anda bertanggungjawab untuk membaca Polisi & Notis Privasi penuh kami di laman web korporat PLUS, iaitu www.plus.com.my setiap kali sebelum memberikan Data Peribadi anda kepada kami. Dengan memberikan Data Peribadi anda kepada PLUS, anda dengan ini memberikan persetujuan untuk kami mengumpul, mengguna dan memproses Data Peribadi anda.
- 1.4. Anda dengan ini memahami dan memberikan persetujuan bahawa Data Peribadi anda boleh dipindahkan, disimpan, diguna dan diproses dalam bidang kuasa selain di Malaysia, seperti yang dinyatakan dalam Notis Privasi ini atau di mana-mana pelayan kami yang berada di luar Malaysia.
- 1.5. Kecuali dinyatakan sebaliknya, definisi Notis Privasi untuk Vendor ini akan mengikuti definisi yang dinyatakan di bawah Polisi Privasi.

2. Jenis-Jenis Data yang Dikumpul

- 2.1 Kami dibenarkan mengumpul Data Peribadi seperti berikut: -
 - nama;
 - nombor kad pengenalan/ passport dan imejnya/ gambarnya;
 - maklumat perhubungan;
 - maklumat perhubungan perniagaan;
 - nama pengguna dan kata laluan untuk mengakses Servis kami;
 - maklumat kewangan;
 - maklumat pekerjaan;
 - rekod perubatan;
 - gambar dan rakaman video;
 - pengecam media sosial; dan
 - maklumat-maklumat lain seperti transaksi bayaran, pilihan bahasa, umur, tarikh lahir, jantina dan status keluarga.

LAMPIRAN B

- 2.2 Kami juga boleh memperoleh maklumat peribadi anda dari sistem maklumat dan agensi pelaporan awam sedia ada berkaitan dengan kontrak kami dengan anda.
- 2.3 Kecuali dinyatakan sebaliknya, anda perlu untuk memberikan kami Data Peribadi seperti yang diminta dalam borang permohonan dan pendaftaran yang berkaitan. Walau bagaimanapun, dimaklumkan bahawa jika anda memilih untuk menahan, menarik atau mengehadkan persetujuan bagi kami untuk memproses Data Peribadi anda, kami berkemungkinan tidak dapat meneruskan hubungan komersial kami dengan anda dan kami berhak menolak permohonan anda untuk menjadi Vendor kami.
- 2.4 Jenis data yang dikumpulkan yang dinyatakan di dalam Perenggan 2.1 di atas adalah tidak menyeluruh (*non-exhaustive*) dan boleh berubah sebagaimana yang dirasakan perlu oleh PLUS.

3. Data Peribadi Sensitif

- 3.1 Sekiranya dikehendaki di bawah undang-undang Malaysia, PLUS akan mendapatkan persetujuan daripada anda sebelum kami memproses Data Peribadi Sensitif anda.
- 3.2 PLUS akan memproses maklumat peribadi atau maklumat peribadi sensitif tanpa persetujuan anda hanya dalam situasi terhad seperti yang dibenarkan oleh undang-undang Malaysia.

4. Sumber Data

- 4.1 Selain daripada Data Peribadi yang anda berikan kepada kami secara langsung, pihak kami juga boleh mengumpul Data Peribadi anda daripada pelbagai sumber seperti:
 - apabila anda mengisi borang permohonan, borang pendaftaran atau borang-borang lain untuk sebarang aktiviti atau kegiatan di bawah PLUS;
 - apabila anda memberikan pertanyaan, maklum balas, aduan atau tuntutan;
 - dari sumber awam yang sedia ada seperti direktori-direktori;
 - dari interaksi anda dengan kami melalui laman media sosial kami, seperti mengikuti, memberi komen, menyukai atau menghantar pesanan kepada kami di laman tersebut;
 - apabila anda berinteraksi dan berkomunikasi dengan kami di mana-mana acara, aktiviti atau melalui surat menyurat;
 - daripada mana-mana entiti atau bahagian kami serta syarikat berkaitan, bersekutu atau gabungan PLUS (ini termasuk entiti-entiti dalam Kumpulan Syarikat PLUS);
 - daripada pembekal perkhidmatan usaha wajar ("*due diligence*") kami; atau

LAMPIRAN B

- dengan mengunjungi, berinteraksi, berkomunikasi dengan kami dan menggunakan perkhidmatan kami di platform atas talian kami, Data Peribadi anda juga boleh dikumpul dari kuki, suar web, GPS dan kaedah-kaedah teknikal lain yang boleh melibatkan penghantaran Data Peribadi sama ada secara langsung kepada kami atau kepada Pihak Ketiga Yang Diberi Kuasa untuk mengumpul maklumat bagi pihak kami yang digunakan di platform atas talian tersebut.
- 4.2 Platform dalam talian yang dimiliki oleh kami boleh dihubungkan ke Laman Pihak Ketiga. Polisi Privasi ini tidak terpakai untuk Laman Pihak Ketiga kerana laman tersebut adalah di luar kawalan kami. Sekiranya anda memilih untuk mengakses Laman Pihak Ketiga menggunakan pautan yang disediakan, pengendali laman tersebut boleh mengumpulkan maklumat peribadi anda. Anda perlu membaca dan memberikan persetujuan kepada Polisi privasi Laman Pihak Ketiga sebelum menyerahkan sebarang maklumat peribadi. Kami tidak akan bertanggungjawab di sisi undang-undang atau sebaliknya untuk aktiviti, Polisi privasi atau tahap pematuhan privasi Laman Pihak Ketiga.

5. Tujuan Penggunaan Data

- 5.1 Kami memerlukan maklumat ini untuk memahami keperluan anda dan memberikan anda perkhidmatan yang lebih baik, terutamanya bagi sebab berikut:
- untuk menilai dan memproses permohonan dan pendaftaran anda sebagai Vendor;
 - untuk menilai kesesuaian untuk terlibat dalam transaksi perniagaan;
 - untuk berkomunikasi dengan anda seperti berkenaan produk dan perkhidmatan PLUS dll;
 - untuk memberikan Servis kepada anda;
 - untuk memproses transaksi pembayaran anda;
 - untuk menjawab pertanyaan anda;
 - untuk menguruskan penyertaan anda dalam peraduan dan latihan tender seperti mengakses dan memproses sebut harga, permintaan sebut harga dan penyerahan tender anda;
 - untuk melakukan aktiviti dalaman;
 - untuk melakukan tinjauan pasaran dan analisis trend;
 - untuk memberi anda maklumat mengenai produk dan perkhidmatan PLUS;
 - untuk memproses dan menyiasat sebarang tuntutan yang dibuat oleh anda;
 - untuk penyiasatan aduan dan transaksi yang disyaki mencurigakan;
 - untuk aktiviti perniagaan sah PLUS yang lain;
 - untuk tujuan pengesanan, pencegahan dan pendakwaan jenayah sama ada di dalam atau di luar Malaysia;

LAMPIRAN B

- untuk menguruskan risiko seperti risiko berkaitan komersil, risiko ketidakpatuhan, risiko perolehan dll.;
 - untuk mematuhi kehendak undang-undang atau peraturan atau sebagaimana yang dibenarkan oleh kehendak undang-undang atau peraturan di dalam dan di luar Malaysia; dan/ atau
 - untuk tujuan-tujuan lain yang berkaitan dengan kontrak anda dengan PLUS.
- 5.2 Sekiranya anda tidak membenarkan kami memproses Data Peribadi anda untuk Tujuan-Tujuan seperti di dalam Perenggan 5.1, sila maklumkan kepada kami dengan menghubungi kami melalui alamat e-mel yang dinyatakan di dalam Perenggan 12 (Maklumat Untuk Dihubungi) di bawah.

6. Penzahiran Data Peribadi

- 6.1 Kami boleh berkongsi maklumat peribadi anda dengan Pihak Ketiga Yang Diberi Kuasa yang menjalankan perkhidmatan bagi pihak kami. Kami tidak memberi kuasa kepada Pihak Ketiga Yang Diberi Kuasa untuk menggunakan atau mendedahkan maklumat kecuali jika diperlukan untuk menjalankan perkhidmatan tertentu bagi pihak kami atau untuk mematuhi kehendak undang-undang. Kami kehendaki Pihak Ketiga Yang Diberi Kuasa, secara kontrak, untuk melindungi privasi dan keselamatan maklumat peribadi yang diproses bagi pihak kami.
- 6.2 Kami boleh mendedahkan maklumat peribadi anda jika dikehendaki untuk berbuat demikian oleh undang-undang atau dengan suci hati, jika tindakan tersebut diperlukan untuk:
- mematuhi sebarang keperluan daripada badan-badan Kerajaan, badan kawal selia, agensi penguatkuasa undang-undang, perintah mahkamah atau proses undang-undang; dan/ atau
 - melindungi dan mempertahankan hak atau harta Kumpulan Syarikat PLUS dan penggunanya.
- 6.3 Kami berkemungkinan menjual atau membeli syarikat, anak syarikat, atau unit perniagaan untuk terus mengembangkan perniagaan kami. Dalam urusan niaga tersebut, maklumat anda boleh didedahkan kepada pihak ketiga yang terlibat dalam transaksi tersebut.

7. Hak-Hak dan Pilihan-Pilihan

- 7.1 Sekiranya anda ingin membuat sebarang pertanyaan, aduan, permintaan akses atau pembetulan, atau permintaan untuk kami mengehadkan pemprosesan berkenaan Data Peribadi anda berkenaan dengan Tujuan Penggunaan Data seperti di dalam Perenggan 5 di atas, sila hubungi kami melalui alamat e-mel yang dinyatakan di dalam Perenggan 12 (Maklumat Untuk Dihubungi) di bawah.

LAMPIRAN B

- 7.2 Kami berhak untuk mengenakan bayaran untuk akses Data Peribadi anda dalam jumlah yang dibenarkan di bawah undang-undang. Berkenaan dengan hak anda untuk mengakses dan/ atau membetulkan Data Peribadi anda, kami berhak untuk menolak permintaan anda untuk mengakses dan/ atau membuat sebarang pembetulan kepada Data Peribadi anda atas sebab yang dibenarkan di bawah undang-undang, contohnya apabila kesan menyediakan akses kepada anda adalah tidak sepadan dengan risiko privasi terhadap anda atau orang lain.
- 7.3 Sekiranya anda memilih untuk meneghadkan hak kami untuk memproses Data Peribadi anda, anda boleh menghubungi kami melalui alamat e-mel yang dinyatakan di dalam Perenggan 12 (Maklumat Untuk Dihubungi) di bawah.
- 7.4 Sekiranya anda tidak mahu Data Peribadi anda dikumpulkan melalui kuki di platform atas talian, anda boleh menyahaktifkan kuki dengan melaraskan tetapan pelayar internet anda untuk melumpuhkan, menyekat atau menyahaktifkan kuki, dengan memadamkan sejarah semak imbas anda dan membersihkan cache dari pelayar internet anda.

8. Data Peribadi daripada Seseorang di Bawah Umur dan Orang Lain

- 8.1 Sekiranya Data Peribadi individu-individu bawah umur (individu di bawah umur lapan belas (18) tahun) diberikan kepada kami, sebagai ibu bapa atau penjaga sah mereka, anda dengan ini memberikan persetujuan untuk pemprosesan Data Peribadi individu di bawah umur tersebut dan secara peribadi menerima dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi ini dan bertanggungjawab ke atas tindakan seseorang di bawah umur tersebut.
- 8.2 Dalam sesetengah keadaan, anda boleh memberikan Data Peribadi yang berkaitan dengan orang lain seperti pasangan, ahli keluarga atau rakan anda dan dalam keadaan sedemikian anda mewakili dan menjamin bahawa anda telah diberi kuasa untuk memberikan Data Peribadi mereka kepada kami dan anda telah memperolehi persetujuan mereka untuk pemprosesan dan penggunaan Data Peribadi mereka mengikut cara yang dinyatakan di dalam Notis Privasi ini.

9. Penyimpanan Dan Pelupusan Data Peribadi

- 9.1 Data Peribadi yang dikumpulkan akan disimpan oleh kami untuk jangka masa yang dibenarkan/ dikehendaki di bawah undang-undang Malaysia, yang boleh berlanjutan sehingga tempoh selepas penamatan hubungan kontrak anda dengan kami.

- 9.2 Sekiranya Data Peribadi anda tidak diperlukan lagi, Data Peribadi tersebut akan dilupuskan mengikut polisi dan prosedur berkaitan pelupusan data PLUS kecuali jika undang-undang di Malaysia menghendaki data tersebut diarkibkan untuk kepentingan umum.

10. Keselamatan Data

Kami memastikan keselamatan Data Peribadi seperti berikut:

- sistem kawalan keselamatan yang mencukupi dengan menggabungkan kawalan akses elektronik dan fizikal, teknologi *firewall* dan langkah-langkah keselamatan lain untuk melindungi keselamatan dan privasi Data Peribadi anda;
- Personel kami hanya mempunyai akses kepada Data Peribadi anda atas dasar "perlu tahu" (*need to know*); dan
- Pihak Ketiga Yang Diberi Kuasa kami telah menerapkan langkah-langkah keselamatan yang sesuai berdasarkan kontrak kami dengan mereka.

11. Pindaan Selanjutnya Dan Pertikaian

- 11.1 Kami berhak untuk mengemas kini dan/ atau meminda Notis Privasi ini dari semasa ke semasa. Oleh yang demikian, anda berobligasi untuk membaca Notis Privasi ini setiap kali anda ingin memberikan Data Peribadi anda kepada PLUS.
- 11.2 Sekiranya anda terus memberikan Data Peribadi anda dalam apa-apa bentuk, contohnya, e-mel, panggilan telefon, surat dll., anda akan dianggap telah menerima perubahan di dalam Notis Privasi kami.
- 11.3 Sekiranya terdapat percanggahan di antara Notis Privasi versi Bahasa Inggeris dan bahasa lain, versi Bahasa Inggeris akan mengatasi dan digunapakai.

12. Maklumat Untuk Dihubungi

Sekiranya anda ingin membuat sebarang pertanyaan, aduan, akses atau permintaan pembetulan atau permintaan untuk PLUS menghadkan pemprosesan Data Peribadi anda yang berkaitan dengan Tujuan Penggunaan Data seperti yang dinyatakan di dalam Perenggan 5 di atas, anda boleh hubungi kami melalui e-mel seperti:-

Ketua Jabatan Pematuhan & Integriti
E-mel kepada: DPO@plus.com.my